

5 JAN 1996

Mahathir-rumah

KERAJAAN BINA RUMAH KOS RENDAH KERANA SWASTA GAGAL

KUALA LUMPUR, 5 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan menyertai pembinaan rumah kos rendah memandangkan pihak swasta yang diminta berbuat demikian gagal menyediakan secukupnya.

Perdana Menteri berkata kerajaan melalui Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) membina rumah kos rendah untuk rakyat kerana syarikat swasta telah memberikan pelbagai alasan mengenainya.

"Kita telah memberitahu mereka supaya menyediakan sebahagian peruntukan untuk rumah kos rendah di semua projek mereka, jika tidak di tempat yang sama sekurang-kurangnya di tempat lain," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kompleks Anak-anak Yatim Darul Kifayah, Wilayah Persekutuan di Kampung Delima di sini hari ini.

Yang turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim bahawa KWSP akan melancarkan projek perumahan rumah kos rendah dan sederhana secara besar-besaran di seluruh negara dengan segera.

Dr Mahathir berkata: "Kerajaan, dan KWSP, tidak mahu melibatkan diri dalam pembinaan rumah kos rendah, tetapi para pemaju perumahan tidak melaksanakan tanggungjawabnya...tak patutlah ini."

Katanya beliau diberitahu bahawa ada di antara mereka yang membuat keuntungan 100 peratus dalam pembinaan rumah kos sederhana dan tinggi.

"Jika mereka rugi sedikit dalam rumah kos rendah, mereka masih lagi untung dari rumah kos sederhana dan tinggi," katanya.

Perdana Menteri berkata jika pemaju perumahan tidak mahu membinanya kerajaan memasuki bidang itu dan akan bersaing dengan mereka.

Bagaimanapun, katanya, ini tidak bermakna pemaju akan terlepas daripada tanggungjawab itu kerana kerajaan tetap masih mahukan mereka membinanya.

Mengenai kompleks anak yatim di bawah pengendalian Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan itu, Dr Mahathir berkata beliau gembira kerana banyak dermawan memberikan sokongan dan sumbangan kepada kewujudannya.

"Ia bukan sahaja datang dari orang Islam, malah dari bukan Islam dan ini merupakan sesuatu yang istimewa di Malaysia dalam usaha menjalin hubungan baik di kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara ini," katanya.

Sebelum itu dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata walaupun kerajaan mampu mengeluarkan belanja untuk membiayai rumah-rumah anak yatim, tetapi semua pihak termasuk swasta dan orang persendirian perlu mengeluarkan sumbangan bagi menunjukkan rasa tanggungjawab mereka terhadap konsep masyarakat penyayang.

Bagaimanapun, katanya, bagi anak-anak yatim terbabit mereka tidak harus mempunyai sikap terus bergantung kepada sumbangan masyarakat, tetapi perlu berdikari.

Kompleks anak yatim itu mempunyai 57 penghuni perempuan dan 43 lelaki.

Pada majlis itu juga Perdana Menteri menerima sumbangan sebanyak RM850,000 daripada beberapa badan korporat dan orang perseorangan untuk rumah anak yatim berkenaan. -- BERNAMA